

# BAB I

## PENGENALAN

"...the necessity of establishing at the earliest practicable date a general international organization, based on the principle of sovereign equality of all peace-loving states for the maintenance of international peace and security..."

Stettinius R.E. 1 Okt 1998<sup>1</sup>

### Latar Belakang Kajian

Pergolakan di Benua Eropah yang berlarutan sekian lama sejak abad ke 16 telah dapat dibendung dengan termenterai perjanjian 'Westphalia' (1648) yang telah menamatkan 'Peperangan 30 Tahun' (1618-1648) di antara Fahaman Kristian Khatolik (Austria-Hungary dan Sepanyol) dengan fahaman Kristian Protestant (Perancis, Britain, Sweden dan Belanda) serta 'Peperangan Agama' antara Kristian (Britain, Perancis, Austria-Hungary dan Sepanyol) dan Islam (Kerajaan Ottoman – Turki) di Benua Eropah.<sup>2</sup> Sejak perjanjian tersebut maka terbentuklah sistem antarabangsa yang melibatkan kedaulatan, persempadanan dan kemerdekaan negara-negara ahli dalam hubungan antarabangsa. Walau bagaimanapun perjanjian tersebut bukanlah jaminan yang mutlak kerana pertelagahan-pertelagahan setempat masih juga berlaku pada masa tersebut dengan peperangan melimpah ke benua-benua lain seperti di Amerika, Asia, Afrika dan Timur Tengah. Dari tahun 1816 – 1945, sebanyak lebih daripada 200 pertelagahan dan

---

<sup>1</sup>. R.E.Stettinius, "The Origins And Structure of the UN", ISIS Asia, Hong Kong, 1 October 1998 Vol.3. No.xxi.

<sup>2</sup>. R.C. Johansen, The National Interest and The Human Interest: An Analysis of U.S Foreign Policy, Princeton University Press, New Jersey, USA, 1980, hlm. 15.

peperangan telah berlaku (termasuklah peperangan saudara di Amerika Syarikat 1861-65, Peperangan Jerman/Perancis 1870-1871 dan Peperangan Dunia Pertama (1914-1919) dan Peperangan Dunia Kedua (1939-1945). Para ahli akademik dan pengkaji sejarah tamadun manusia berpendapat bahawa pertelagahan ini berpunca apabila meningkatnya perlumbaan industri teknologi persenjataan di rantau tersebut.<sup>3</sup>

Bagi membendung gejala tersebut, maka masyarakat dunia pada masa itu telah memikirkan jalan penyelesaian dengan menubuhkan organisasi pertama dunia bagi mengawal pertelingkahan dan kelakuan antarabangsa iaitu Liga Bangsa-Bangsa, sebaik sahaja tamatnya Peperangan Dunia Pertama (1919). Namun kewujudan pertubuhan yang pertama dunia ini memperlihatkan banyak kepincangan dan ia didapati begitu rapuh sekali sehinggakan tidak kekal lama, apabila tercetusnya Peperangan Dunia Kedua (1939). Telah banyak diperkatakan oleh pemikir-pemikir Barat dan para ahli akademik tentang sebab dan punca kelemahan Pertubuhan Liga Bangsa-Bangsa tersebut yang menjadi iktibar dan panduan kepada pertubuhan yang kedua diwujudkan iaitu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (1945). Jelas Dr. Kurt Waldheim bekas Setiausaha Agung PBB yang ke tiga, "*...When towards the close of World War II, a second attempt was made to create a world organization, the founders of the United Nations drew several lessons from the failure of the League of Nations...*".<sup>4</sup>

---

<sup>3</sup>. R.Desailly, P.Stapleton and R.Lewis, Conflict In The Modern World, Jacaranda Press, Brisbane, Australia, 1991, hlm. 31.

<sup>4</sup>. K.Waldheim, The Challenge of Peace, Rawson-Wade Publisher, New York, 1980, hlm.3.

Sejak penubuhannya, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah dapat mengawasi dan mengawal kelakuan masyarakat dunia sehingga kehari ini bagi menggantikan peranan yang telah cuba dilaksanakan oleh Pertubuhan Liga Bangsa-Bangsa sebelumnya. Jika kelakuan manusia tidak dapat dikawal ia akan lebih banyak memusnahkan dunia ini, sebagai mana kata Kenneth Waltz (1979), "...actors are powerful to the extent that they affect others more than others effect them...".<sup>5</sup> Dalam mengawal perjalanan dan kelakuan masyarakat antarabangsa, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang baru ditubuhkan ini mempunyai badan-badan khas yang telah dipertanggungjawabkan kepada satu-satu tugas yang tertentu. Di antara organisasi-organisasi tersebut adalah seperti berikut:

1. Perhimpunan Agung. Kini dianggotai oleh 191 negara,<sup>6</sup> dimana setiap negara berhak kepada satu undi, sama ada negara kecil ataupun negara kuasa besar.
2. Mailis Keselamatan. Bertanggungjawab terhadap pengekalan keamanan dan keselamatan antarabangsa. Ia mempunyai 15 ahli yang mana lima di antaranya adalah ahli tetap yang mempunyai kuasa 'veto' seperti China, Perancis, Kesatuan Rusia, United Kingdom, dan Amerika Syarikat. Sepuluh ahli-ahli lain adalah dilantik oleh Perhimpunan Agung untuk tempoh dua tahun.

---

<sup>5</sup>. K.Waltz, Theory of International Politics, Wesley, 1979, hlm.53.

<sup>6</sup>. 'List of Member States' Internet, <http://www.un.org/Overview/unmember.html-29k>, di kemaskini pada 19 Mac 2004.

3. Sekretariat. Ia dianggotai oleh pertubuhan-pertubuhan seperti EOSG, OIOS, DPI, OLA, DPKO, DPA, DHA, DAM, DPCSD, DESIPA, DDSMS, UNCHR, UNDCP, UNICEP, UNCTAD, UNEP, UNCHS, UNRWA, ECA, ECLAC, ESCAP, ESCWA, yang mana fungsinya menguruskan keperluan dan bantuan masyarakat dunia. Ia diterajui oleh Setiausaha Agung PBB.
  
4. Mahkamah Keadilan Antarabangsa. Ia bertanggungjawab dalam menguruskan hal-hal perundangan atau tuntutan keadilan oleh ahli-ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
  
5. Majlis Ekonomi dan Sosial (ECOSOC). Majlis ini menguruskan keperluan bantuan ekonomi, kemanusiaan dan sosial antarabangsa.
  
6. Majlis Peramanahan. Badan ini pula dipertanggungjawabkan dalam menguruskan segala peramanahan dan ketetapan yang telah dicapai oleh Perhimpunan.

Malaysia telah terlibat dengan aktif dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, sejak menganggotai pertubuhan tersebut pada 17 September 1957 (masih dalam 'Malaya'), selepas hampir sebulan negara mencapai kemerdekaan, pemimpin-pemimpinnya telah mengambil bahagian sama ada menyuarakan perjuangan hak kesaksamaan dan kepentingan negara-negara dunia ketiga ataupun melibatkan pasukan-pasukan pengaman di bawah Panji-Panji Bangsa-Bangsa Bersatu. Pada tahun 1965,

Malaysia telah dipilih pertama kalinya menganggotai Majlis Keselamatan, walaupun pada masa itu ia berkongsi kerusi dengan Yugoslavia selama dua tahun, iaitu setahun bagi Malaysia dan setahun bagi Yugoslavia.

Dalam usia yang muda itu, Malaysia telah diberi kepercayaan oleh masyarakat dunia bagi sama-sama berada dalam Majlis yang membuat keputusan dalam menentukan keamanan dunia. Begitu juga pada tahun 1989 sehingga 1990, Malaysia sekali lagi telah menganggotai Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kepercayaan oleh masyarakat dunia ini adalah hasil penyuaran pemimpin-pemimpin Malaysia bagi menegakkan keadilan dan keamanan dunia. Contohnya Tun Dr. Mahathir Mohamed bekas Perdana Menteri Malaysia pernah berucap di Majlis Perhimpunan PBB, dengan kata-katanya (terjemahan):<sup>7</sup>

...tanpa satu dasar yang saksama oleh kuasa-kuasa besar, PBB tidak mungkin dapat bertindak. Sempadan Israel pasti akan bertambah luas, menduduki bumi Arab sesuka hatinya dan sebarang tindakan yang dilakukan oleh Israel, biar betapa kejamnya akan dianggap sebagai melindungi keselamatan negaranya. Rakyat Palestin pula sebaliknya tidak akan dapat bertindak seperti Israel kerana sumber kekuatan mereka yang terhad. Dalam pada itu, mereka terpaksa berhadapan dengan media yang dikuasai Zionis dan tentunya memusuhi mereka. Dalam proses ini rakyat Palestin sentiasa dikutuk oleh dunia yang tidak menghiraukan hakikat bahawa Israel sendiri adalah hasil daripada keganasan, bahawa serangan dan gangguannya terhadap orang-orang Arab di wilayahnya adalah dasar yang berasaskan kekejaman...

Bagi membuktikan komitmennya dalam pertubuhan ini, Malaysia sentiasa tidak menghampakan permintaan pertubuhan ini dalam melibatkan rakyatnya sama ada dalam

---

<sup>7</sup>. Chamil Wariya, Dasar Luar Era Mahathir, Vinlin Press Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 104.

pasukan pengaman mahu pun dalam pasukan pemerhati keamanan. Pada keseluruhannya penglibatan Malaysia telah membuahkan hasil sebagaimana yang diharapkan oleh masyarakat dunia. Di mana sahaja pasukan pengaman dari Malaysia ditugaskan ia sentiasa mendapat sambutan dan sokongan dari puak-puak yang berkonflik. Malah ada di antara negara-negara yang dilanda konflik telah menjadi aman sehingga ke saat ini hasil sumbangan Rakyat Malaysia dalam tugas-tugas ini. Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan sehingga kini, Malaysia telah diberi kepercayaan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk memikul mandat misi pasukan pengaman sebanyak lima kali ia itu di Congo (1960-1962), Namibia (1989-1990), Kampuchea (1989-1991), Somalia (1993-1994), dan akhir sekali di Bosnia-Herzegovina (1993-1998). Di samping itu juga turut menghantar pasukan-pasukan pemerhati ke beberapa negara yang dilanda konflik yang melibatkan lebih dari 1,000 orang Pegawai dan Lain-Lain Pangkat bagi membantu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengawasi keamanan.

### **Penyataan Masalah.**

Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, dan sebuah negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, tidak terkecuali dalam membantu pertubuhan tersebut dalam mendukung piagam utama pertubuhan tersebut, iaitu menentukan dan mengembalikan keamanan dunia. Salah satu peranan yang aktif dimainkan oleh negara ini adalah melibatkan diri dalam menyediakan kontinjen pasukan pengaman yang di tugaskan di bawah pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sesungguhnya penugasan ini bukanlah satu perkara yang mudah, bak kata pepatah "Berat Mata

Memandang, Berat Lagi Bahu Memikul". Namun tugas ini telah dapat dilaksanakan dengan cemerlang oleh kontinjen Malaysia. Malaysia mempunyai resipi tersendiri dalam melaksanakan tugas tersebut, sehinggakan kontinjen pasukan Pengaman Malaysia merupakan salah satu kontinjen pasukan pengaman yang terbaik di antara kontinjen-kontinjen pasukan pengaman di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan di bawah Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO). Kecemerlangan ini dapat dibuktikan dengan cara bersurat atau keterangan-keterangan yang di beri oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Rumah Putih Amerika Syarikat dan Pemerintah Pasukan-Pasukan Pengaman di setiap misi yang di sertai oleh pasukan pengaman Malaysia.

### **Tujuan dan Skop Kajian.**

Tujuan Kajian ini adalah untuk mendedahkan pencapaian kontinjen pasukan Pengaman Malaysia serta mengenal pasti kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan tugas tersebut. Ini kerana setiap penugasan yang dilakukan oleh pasukan pengaman Malaysia mempunyai pencapaian dan masalah yang tersendiri. Puak-puak yang bertelagah mempunyai agenda yang tersendiri dan peranan setiap individu yang melaksanakan tugas tersebut sememangnya amat rumit untuk memuaskan hati setiap anggota puak yang bertelagah.

Bagi memudahkan pemahaman tulisan ini, ia akan dibahagikan kepada sembilan bab. Bab Pertama menerangkan pengenalan dan latarbelakang kajian ini. Bab Kedua pula

menerangkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan fungsinya dalam tugas-tugas pengaman. Bab ketiga akan membentangkan kajian penugasan pasukan Pengaman Malaysia Pertama di Congo, diikuti Bab Keempat, Penugasan di Namibia, Bab Kelima penugasan di Kampuchea, Bab Keenam penugasan di Somalia dan Bab Ketujuh penugasan di Bosnia-Herzegovina. Sementara Bab Kelapan pula, ia akan menerangkan kajian implikasi terhadap penugasan pasukan pengaman Malaysia. Bab kesembilan iaitu bab terakhir akan menerangkan rumusan terhadap di kesemua bab-bab yang diperbincangkan.

### **Pendekatan.**

Sesungguhnya dalam menyiapkan kajian ini ia telah mengambil masa yang begitu lama iaitu hampir lima tahun. Ini kerana disebabkan kesibukan masa dan keluangan masa yang diberi oleh mereka yang ditemui untuk ditemubual bagi mendapat kepastian dan maklumat terperinci dalam setiap penugasan yang telah dilaksanakan oleh kontinjen-kontinjen Malaysia. Selain dari temubual dan soal selidik yang dilakukan ke atas mereka-mereka yang terlibat, kajian ini juga telah mengambil kira ulasan/pandangan dan isi kandung buku-buku yang dihasilkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, para ahli akademik, saluran internet, akhbar-akhbar, laporan-laporan operasi yang telah dimajukan oleh kontinjen-kontinjen terlibat serta pengalaman sendiri yang secara kebetulan telah terlibat dalam salah satu misi pengaman tersebut.